


10 Pelajaran Hidup



disusun oleh : Nik Nur Madihah

Be Present



الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا
وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ
هَٰذَا بَطِيلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ۱۹۱

Terj: orang-orang yang menyebut dan mengingat Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

(Surah Ali Imran : 191)

BE PRESENT

PRINSIP

*Pegang dengan
kefahaman*



PENJELASAN


*Hayati dan usaha
lazimi*



Hadir bukan hanya fizikal,
tetapi hati dan seluruh
perhatian.

Menghadirkan diri untuk seseorang adalah satu pekerjaan yang murni. Hadir di sisinya ketika ia sedang sedih, murung, sakit atau bahkan gembira, tertawa dan senang apa adanya. Namun, jangan hanya fizikal yang hadir, manakala fikiran dan perhatian berada di tempat lain. Hargai seseorang yang kita sayang dengan berada di sisinya dan membawa sepenuh kehadiran; seperti juga saat kita mengingat Allah SWT dalam setiap kedudukan, lalu akhirnya kita mengakui bahawa tiada hal yang terjadi sia-sia.

Listen



وَمِنْهُمْ مَّن يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ وَجَعَلْنَا
عَلَى قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي
آذَانِهِمْ وَقْرًا وَإِنْ يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَا
يُؤْمِنُوا بِهَا حَتَّى إِذَا جَاءُوكَ
يُجَادِلُونَكَ يَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ
هَذَا إِلَّا أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ ٢٥

Terj: Dan di antara mereka ada yang mendengarkanmu (membaca Al-Quran), pada hal Kami telah jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, yang menghalang mereka daripada memahaminya, dan Kami jadikan pada telinga mereka penyumbat (yang menjadikan mereka pekak); dan walaupun mereka melihat tiap-tiap keterangan (dan mukjizat yang membuktikan kebenaran Rasul), mereka tidak juga akan beriman kepada keterangan itu; sehingga apabila mereka datang kepadamu, sambil membantahmu, berkatalah orang-orang yang kafir itu: "Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu".

(Surah Al-An'am : 25)

LISTEN ATTENTIVELY

PRINSIP

*Pegang dengan
kefahaman*



PENJELASAN


*Hayati dan usaha
lazimi*



Dengar, dengar.. dan dengar
dengan sedar.

Sukar untuk menghuraikan perihal mendengar dengan sedar jika kita tidak pernah mengalami atau melakukannya sendiri. Kemahiran mendengar tidak semudah yang kita bayangkan. Dengar betul-betul bermaksud menumpukan perhatian kepada apa yang disebut, emosi dan perasaan yang terlibat, dan juga bagaimana ia disampaikan. Fahami maksud penyampai, jangan cepat membuat konklusi dari persepsi sendiri.

Big Picture



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ
وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ
فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى
اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ
وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ٥٩

Terj:Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

(Surah An-Nisa' : 59)

BIG PICTURE

PRINSIP

*Pegang dengan
kefahaman*



Lihat sesuatu perkara dari
pandangan yang menyeluruh.
Focus on the big picture.


PENJELASAN

*Hayati dan usaha
lazimi*



Kadang-kadang, apabila kita terjat dalam sesuatu keadaan yang nampak seperti kusut dan tiada jalan keluar, kita buntu bagaimana mahu bertindak. Fahami 'big picture'. Pandang dari atas. Pelan-pelan, kekusutan tersebut akan dapat dihuraikan. Kita akan dapat pertimbangkan konsekuensi dari setiap pilihan. Dari situ kita akan berupaya memilih langkah untuk menapak ke depan. Dan sebagai seorang Muslim, sebesar-besar gambaran bagi kita adalah ketaatan terhadap Allah SWT dan Rasul-Nya.

Garisian Hak



﴿۞﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا
الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ
بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ
اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨

Terj: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

(Surah An-nisa' : 58)

KNOW YOUR BORDER

PRINSIP

*Pegang dengan
kefahaman*



PENJELASAN


*Hayati dan usaha
lazimi*



Garisan yang membatasi
adalah panduan dalam
bersikap.

Setiap perkara di dunia ini punya batasan. Tidak ada siapa yang boleh sewenang-wenangnya melakukan apa sahaja yang dia suka. Ada aturan yang perlu kita jaga demi keharmonian suasana yang telah disusun dengan cantik oleh Yang Maha Esa. Hormati garisan tersebut, kita akan tahu apa yang patut dan tidak patut.

Thinking Cap



قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ
أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَبِيثِ فَاتَّقُوا اللَّهَ
يَأْتُوا إِلَى الْآلَبِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ۝۱۰۰

Terj : Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sama yang buruk dengan yang baik, walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu. Oleh itu bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya.

(Surah Al-Maidah : 100)

PUT ON YOUR THINKING CAP

PRINSIP

*Pegang dengan
kefahaman*



PENJELASAN


*Hayati dan usaha
lazimi*



Tuhan mengurniakan
kemampuan berfikir untuk
dimanfaatkan.

Kadangkala, apabila berada terlalu lama dalam kekusutan, ia bertukar menjadi "comfort zone", dan kita jadi malas berfikir untuk mencari jalan keluar. Bahkan dalam kebanyakan kegiatan harian juga, kita jalankan aktiviti dan pekerjaan secara "auto-pilot" sebab sudah terlalu terbiasa dengan rutin. Sedangkan Islam mengajar sebaliknya. Harus sentiasa peka dan memanfaatkan akal fikiran dalam setiap urusan. Jangan malas berfikir dan menilai baik buruk tindakan atau perbuatan kita pada setiap keadaan.

Amanah / Integriti



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوِّمِينَ
لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
شَتَانُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَا تَعْدِلُوا ۖ اْعْدِلُوا
هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ
اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ۝٨

Terj : Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(Surah Al-Maidah : 8)

AMANAH BUKAN HAL KECIL BOLEH KOMPROMI

PRINSIP

*Pegang dengan
kefahaman*



Integriti dan beramanah
dalam setiap hal, tiada
kompromi.


PENJELASAN

*Hayati dan usaha
lazimi*



Dalam memilih penglibatan atau pekerjaan, perkara pertama yang wajib dititikberatkan adalah aspek integriti semua pihak yang terlibat. Jika ada keraguan, jangan bersubahat. Begitu juga dalam semua hal lain, terutama perkara yang melibatkan hak orang lain termasuk orang-orang yang dekat. Takut-takut tersalah ambil dan melanggar kawasan yang tidak berhak.

Jujur



قَالَ اللَّهُ هَذَا يَوْمٌ يَنْفَعُ الصَّادِقِينَ
صِدْقُهُمْ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا
الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ
وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ۝۱۱۹

Terj: Allah berfirman: "Inilah hari (kiamat) yang (padanya) orang-orang yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatan) mendapat manfaat dari kebenaran mereka; mereka beroleh Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia. Itulah kejayaan yang amat besar".

(Surah Al-Maidah : 119)

KEJUJURAN ADALAH SATU-SATUNYA POLISI

PRINSIP

Pegang dengan kefahaman



Sepahit apa pun kenyataan, sentiasa berlaku jujur. Jangan menipu demi menyedapkan hati.


PENJELASAN

Hayati dan usaha lazimi



Orang yang menipu akan sentiasa dihambat penipuannya sendiri. Hidupnya tidak akan tenang, jiwanya tidak tenteram. Oleh itu, tidak kira seburuk apa pun keadaan, seteruk apa pun situasi, jangan cuba-cuba menipu untuk menyelamatkan diri. Belajar untuk berterus-terang dan menguruskan kesan dari perbuatan itu dengan berani. Ambil iktibar dari kesombongan kaum musyrikin yang mengada-adakan pembohongan demi menegakkan kejahilan mereka yang akhirnya memakan diri.

Ikhlas



فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ
عَمِلٍ مِّنْكُمْ مَّنْ ذَكَرَ أَوْ أَنْتِي بَعْضُكُمْ مِّنْ
بَعْضٍ ۖ فَأَلَّذِينَ هَاجَرُوا وَآخَرُجُوا مِنْ
دِيَارِهِمْ وَأَوْدُوا فِي سَبِيلِي وَقَتَلُوا وَقُتِلُوا
لَا كُفْرَنَ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَا دَخَلَتْهُمْ جَنَّتٍ
تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مِّنْ عِنْدِ
اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ ١٩٥

Terj : Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya): "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain; maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan ugamanya), dan yang diusir ke luar dari tempat tinggalnya, dan juga yang disakiti (dengan berbagai-bagai gangguan) kerana menjalankan agamaKu, dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam), dan yang terbunuh (gugur Syahid dalam perang Sabil) - sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka, dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah. Dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal soleh)".

(Surah Ali Imran : 195)

KEIKHLASAN ADALAH TIANG KEBAIKAN

PRINSIP

*Pegang dengan
kefahaman*



PENJELASAN


*Hayati dan usaha
lazimi*



Ikhlas ketika memberi, ikhlas
juga semasa menerima.

Ikhlas terbit dari hati yang bersih, tidak boleh dibuat-buat. Keikhlasan adalah hadiah paling mahal yang dapat kita berikan kepada diri sendiri dan orang sekeliling. Auranya akan menatijahkan banyak kebaikan tanpa disedari. Ia datang dari hati yang tulus, tidak mengharap ganjaran. Ikhlaslah semasa tangan berada di atas, ikhlas juga semasa tangan berada di bawah. Menerima dengan ikhlas bererti menerima dengan hati yang lapang.

Tanggungjawab



مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا
وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا
مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ١٦٠

Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).

(Surah Al- An'am: 160)

TANGGUNGJAWAB

PRINSIP

*Pegang dengan
kefahaman*



PENJELASAN


*Hayati dan usaha
lazimi*



Tanggungjawab adalah tuntutan yang perlu dipenuhi, meskipun tidak dibalasi.

Sebenarnya pada setiap pilihan kita, hatta pilihan untuk perkara yang paling kecil sekalipun, terdapat pertanggungjawaban padanya. Misalnya, apabila kita memilih untuk mengundang orang ke rumah, menjadi tanggungjawab kita memastikan rumah kita sesuai untuk didatangi. Apatah lagi pertanggungjawaban besar yang ditetapkan oleh Tuhan. Seperti tanggungjawab sebagai suami, isteri, bapa, ibu dan anak.

Communicate



وَعِنْدَهُ مَفَاتِيحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ
وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ
مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٌ فِي ظُلُمَةٍ
أَلْأَرْضِ وَلَا رَطْبٌ وَلَا يَابِسٌ إِلَّا فِي كِتَابٍ
مُبِينٍ ٥٩

Terj: Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja; dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.

(Surah An-An'am : 59)

COMMUNICATE. PEOPLE CAN'T READ YOUR MIND

PRINSIP

*Pegang dengan
kefahaman*



Orang tak boleh baca apa yang awak fikirkan. Cakap, beritahu, sampaikan supaya orang faham.

PENJELASAN

*Hayati dan usaha
lazimi*



Belajar untuk berkomunikasi dengan berkesan. Sebab orang tak mampu teka apa yang sedang bermain dalam minda kita, sekalipun orang itu sangat dekat dengan kita. Jangan *expect* orang lain untuk baca fikiran atau tahu dengan sendirinya apa yang kita rancang. Maka, ambil langkah proaktif dengan memberitahu secara jelas agar tidak ada yang salah faham atau salah jangkaan.

life lessons from ibu

Mohon sedekahkan Al-Fatihah kepada arwah yang telah kembali ke rahmatuLlah pada 30 hb Sept 2022.

Semoga ditempatkan bersama orang-orang beriman yang tercinta di sisi Allah SWT, amiin..